

# Tolong tingkat kualiti kafe

KUANTAN - "Kafe kurang bersih."  
Itulah salah satu daripada isu yang menjadi tumpuan pelajar dalam pilihan raya kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Pelajar tahun dua Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Bioteknologi, S. Vissaliny, berkata, gangguan alat dan bau busuk di kafe tersebut dialami ramai pelajar yang makan minum di situ.

"Apa yang kita mahu sekarang ialah calon yang terpilih sebagai wakil pelajar nanti dapat meningkatkan kualiti kafe tersebut supaya lebih bersih daripada sekarang," katanya ketika ditemui di UMP di sini semalam.

Beliau juga berharap segala isu lain yang cuba diketengahkan oleh calon-calon yang bertanding akan dapat di atasi dalam usaha memperbaiki apa sahaja kekurangan di kampus tersebut.

Tinjauan KOSMO! Ahad men-

dapati pilihan raya kampus semakin hangat dengan perang poster lapan orang calon yang bertanding bagi merebut lima kerusi umum.

Namun saingan sengit untuk meraih undi itu berlangsung dalam suasana harmoni tanpa sebarang taktik kotor mahupun kekecohan dilakukan mana-mana calon dan penyokong mereka.

Seorang calon kerusi umum, Maryam Ismail, 20, berkata, setakat ini tiada kekecohan berlaku sepanjang waktu berkempen sebagaimana tahun-tahun yang le-

pas. "Pelajar terlibat dilihat cuba meraih undi dengan cara di-benarkan dan jauh sekali untuk menggunakan 'taktik kotor'.

"Meskipun berlangsung pada bulan Ramadan dan majoritinya aspirasi, kami dapat merasakan semangat persaingan pada pilihan raya kampus di sini tetap wujud dan lebih marak dengan penyertaan ramai pelajar ju-



**PILIHAN RAYA KAMPUS**  
**2 Oktober 2007**



Pelajar memasang panduan pilihan raya kampus di kafe UMP di Kuantan semalam.

niar," katanya.  
Lapan calon yang akan bertanding ialah Ahmad Nabil Shari, 19, Mohd. Naser Sulaiman, 21, Muhammad Afiq Zali, 20, Mu-

hamad Hazrul Hakim Abu Shaari, 20, Salman Razeni, 20, V. Saravanan, 21, Maryam Ismail, 20, dan Wan Nazirah Wan Mohamad, 20.

SUMBER: 30/9/2007  
TARIKH: Kos 4  
MUKA SURAT: 1